

**GAYA PEMBELAJARAN SELMES DALAM KALANGAN PELAJAR PPISMP
PENDIDIKAN SENI VISUAL IPG KAMPUS
DATO' RAZALI ISMAIL**

¹Salleh bin Said,

²Rahimah binti Embong, PhD

sallehsaid21@gmail.com

rahimahembong@unisza.edu.my

Jabatan Sains Sosial

¹IPG Kampus Dato' Razali Ismail

²Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, UniSZA

ABSTRAK

Gaya pembelajaran merupakan kepelbagaian pendekatan pembelajaran yang merangkumi kaedah pendidikan bagi membolehkan individu untuk belajar dengan lebih baik. Namun dalam konteks tempoh perintah kawalan pergerakan semasa dunia dilanda ancaman Covid19, gaya pembelajaran pelajar juga turut terjejas. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap Gaya Pembelajaran Selmes dalam kalangan pelajar Pendidikan Seni Visual Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda IPG Kampus Dato' Razali Ismail Ambilan Jun 2019. Pelaksanaan kajian ini adalah secara tinjauan yang melibatkan proses pengumpulan dan analisis data secara kuantitatif. Seramai 50 orang pelajar PSV PPISMP Ambilan Jun 2019 menjawab soal selidik yang diedarkan secara online. Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan pembelajaran pelajar yang dikaji bagi Gaya Pembelajaran Selmes secara mendalam adalah paling tinggi dengan nilai min 7.99. Seterusnya diikuti oleh gaya pembelajaran permukaan (7.96), gaya pembelajaran terancang (7.78) dan gaya pembelajaran gigih usaha (7.27). Rumusan bagi kajian ini adalah menunjukkan pelajar PSV PPISMP IPGKDRI mempunyai tahap amalan gaya pembelajaran Selmes yang tinggi walaupun dalam tempoh perintah kawalan pergerakan. Diharapkan kajian ini boleh membantu pelajar memperkasakan lagi kecemerlangan pencapaian mereka dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan.

Kata kunci: Gaya Pembelajaran Terancang, Motivasi Intrinsik, Perintah Kawalan Pergerakan

PENGENALAN

Gaya pembelajaran merupakan kepelbagaian pendekatan atau cara pembelajaran merangkumi kaedah pendidikan yang membolehkan individu itu untuk belajar dengan lebih baik. Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza dan tersendiri. Gaya pembelajaran pelajar adalah berbeza dari satu gaya ke gaya lain mengikut kecenderungan pelajar (Ahmad, Safee & Afthanorhan 2014; Nordin 2017). Hal ini kerana perbezaan sifat antara individu dan keunikan nilai-nilai yang terdapat dalam diri pelajar bagi memperoleh pengetahuan. Kecenderungan ini dilihat sebagai satu cara individu berfikir dan belajar dengan pelbagai kaedah bersesuaian dan apa yang dirasai paling terbaik untuk dirinya (Adnan et al. 2013; Willingham et al., 2015).

Perbezaan dalam diri individu boleh dikesan berkait dengan aspek perkembangan fizikal, mental, emosi dan sosial. Akibatnya setiap individu pelajar mempunyai kepelbagaian dan kecenderungan gaya belajar yang berbeza, strategi belajar yang berbeza dan kadar pembelajaran yang berlainan. Ada di antara individu ini mempunyai gaya pembelajaran yang dominan dan ada pula yang menggunakan gaya belajar yang berbeza disesuaikan mengikut persekitaran. Justeru arahan perintah kawalan pergerakan ekoran ancaman Covid19 telah menyebabkan persekitaran pembelajaran seluruh dunia pendidikan berubah. Interaksi sesi pengajaran dan pembelajaran bersemuka secara fizikal telah berubah menjadi interaksi secara dalam talian. Suasana interaksi sebegini telah mengubah gaya pembelajaran pelajar secara keseluruhannya.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian tentang gaya pembelajaran Selmes (1987) di Malaysia belum begitu banyak lagi dilakukan di peringkat pengajian tinggi (Rahim, 1989) Di samping itu, fenomena ancaman Covid19 yang mengundang perubahan persekitaran pembelajaran pelajar juga masih baru dan belum banyak dapatan kajian yang diperluaskan untuk perbincangan (Mohan Rathakrishnan, 2020). Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan oleh pengkaji untuk menyelidik amalan gaya pembelajaran Selmes yang menjadi keutamaan dalam diri pelajar. Setiap pelajar ada pelbagai amalan gaya pembelajaran mereka yang tersendiri untuk memperoleh maklumat yang mereka pelajari. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Richardson dan Fergus (1993) mengenai gaya pembelajaran seseorang adalah merujuk kepada kecenderungannya memilih untuk menyusun dan mengingati maklumat dalam suasana persekitaran pembelajaran yang kondusif.

Namun, antara punca berlakunya keciciran atau kemerosotan pencapaian akademik para pelajar di IPT adalah kerana mereka gagal menyesuaikan diri dengan gaya pembelajaran dan tidak mempunyai gaya pembelajaran yang betul. Keadaan sebegini semakin memberi kesan terhadap

pencapaian pelajar apabila berlakunya perubahan situasi iklim persekitaran pembelajaran secara drastik. Dalam situasi ancaman dunia kerana Covid19, jelas dapat diperhatikan daripada laporan akhbar dan berita tentang gaya pembelajaran terkini yang perlu pelajar lalui bagi mengekalkan kecemerlangan dalam pencapaian akademik mereka. Kajian terdahulu mendapati ramai pelajar yang kurang berjaya atau gagal mencapai keputusan cemerlang mengakui bahawa diri mereka kekurangan pengetahuan dalam kemahiran belajar (Baharin Abu, 2000 dan Azrai, Ernawati & Sulistianingrum 2017). Di samping itu, isu tentang cara pelajar belajar dan menyesuaikan dengan persekitaran gaya pembelajaran masing-masing merupakan masalah yang sering dihadapi oleh pelajar yang ingin mencapai kejayaan yang cemerlang semasa melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan tinggi (Wu & Sulaiman Alrabah, 2009).

Kajian gaya pembelajaran pelajar bukanlah sesuatu yang baharu sama ada di dalam atau luar negara. Sudah terdapat banyak kajian yang dilaksanakan di dalam negara sama ada di peringkat sekolah mahupun di universiti. Kajian yang dilakukan pada peringkat sekolah oleh Kamsani (2012) menggunakan Model Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn (1978) di beberapa Sekolah Menengah Agama, Kedah. Selain dari itu Sarimah Abd. Razak, Ramlah Hamzah, Rosini Abu dan Zakaria Kasa (2008) pula menggunakan Model Gaya Pembelajaran Kolb (1993) di beberapa buah Sekolah Menengah Teknik manakala kajian yang dilakukan di peringkat universiti pula ialah Abdul Rahim Hamdan, Mohamad Najib Ghaffar, Azlina Kosnin, Jamaluddin Ramli dan Mahani Mokhtar (2007) yang menggunakan Model Pembelajaran 3P Biggs ke atas pelajar Universiti Malaysia Terengganu. Nur Amirah Amiruddin, Fauziah Abu Hasan, Abd Aziz Wan Mohd Amin (2007) pula menggunakan Model Gaya Pembelajaran Felder-Silverman (1988), ke atas pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Walaupun kajian gaya pembelajaran telah banyak dilakukan di dalam negara namun yang pasti kajian gaya pembelajaran dalam kalangan pelajar di IPG amat kurang dilakukan sehingga kini.

Di samping itu, fenomena yang dapat dilihat adalah terdapat segelintir pelajar yang masih mengalami kekeliruan untuk mengadaptasikan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan kemampuan diri. Malah, ramai antara mereka memilih untuk meniru gaya pembelajaran rakan-rakan sekeliling. Pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) hari ini merupakan golongan pelapis pendidik yang menjadi harapan untuk meneruskan kecemerlangan pendidikan negara pada masa akan datang. Kecemerlangan hanya akan dapat dicapai sekiranya para pelajar mengamalkan pembelajaran yang bersesuaian. Dunn dan Dunn (1980) menyatakan bahawa kegagalan pelajar bukan disebabkan oleh kurikulum sebaliknya pelajar boleh belajar sebarang mata pelajaran sekiranya pembelajaran itu menekankan gaya pembelajaran yang digemari oleh mereka. Felder dan Silverman (1998) pula mengatakan bahawa gaya pembelajaran setiap pelajar adalah berbeza begitu juga dengan pengajaran guru atau pensyarah. Perbezaan yang berlaku antara gaya pembelajaran pelajar dengan

gaya pengajaran guru atau pensyarah akan menyebabkan pelajar cepat berasa bosan dan tidak memberikan perhatian di dalam bilik kuliah, tidak menjawab soalan peperiksaan dengan baik, dan kadang kala ada dalam kalangan pelajar akan tertinggal atau tercicir dalam pelajaran dan menyebabkan kemerosotan pencapaian akademik. Oleh itu, adalah penting sebagai seorang pensyarah mengenal pasti gaya pembelajaran pelajar serta membantu pelajar mengamalkan gaya pembelajaran yang betul dan sesuai supaya pelajar dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Berdasarkan fakta yang dibincangkan, kajian ini wajar dijalankan kerana penyelidik ingin melihat apakah tahap gaya pembelajaran keseluruhan yang diamalkan oleh para pelajar Pendidikan Seni Visual (PSV) Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPG Kampus Dato' Razali Ismail. Oleh itu, satu penyelidikan telah dilakukan untuk mendapatkan kepastian tentang tahap gaya pembelajaran Selmes yang diamalkan oleh pelajar berkenaan. Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti tahap gaya pembelajaran Selmes yang diamalkan dalam kalangan pelajar yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail.

PERSOALAN KAJIAN

Soalan kajian ini ialah apakah tahap Gaya Pembelajaran Selmes dalam kalangan pelajar Pendidikan Seni Visual Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda IPG Kampus Dato' Razali Ismail Ambilan Jun 2019?.

TINJAUAN LITERATUR

Kaji selidik yang dijalankan oleh Bailey, Onwuegbuzie dan Daley (2000) melihat kepada perhubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian bahasa asing bagi pelajar-pelajar di Mid-Southern University, USA. Seramai 100 orang responden dari pelbagai program mempelajari bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di Universiti tersebut. Instrumen yang digunakan pula adalah instrumen Productivity Environmental Preference Survey Dunn (1991). Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa gaya pembelajaran bentuk, motivasi dan kinestetik mempunyai perkaitan yang positif dengan pencapaian bahasa asing iaitu bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol. Selain itu, kajian lain yang dijalankan oleh Battalio (2009) juga mendapati bahawa gaya pembelajaran Reflective mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik. Battalio telah menjalankan kajian ke atas 120 orang pelajar dengan menggunakan instrumen ILS oleh Felder dan Soloman (1991). Selain mendapati bahawa gaya pembelajaran Reflective mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik, dapatan kajian beliau juga mendapati

bahawa pelajar Reflective lebih gemar melakukan aktiviti secara individu dan lebih berjaya dalam pembelajaran secara atas talian.

Berdasarkan kajian yang dibuat di negara Malaysia oleh Rohana, Widad dan Winson (2003) pula menjalankan kajian ke atas 130 pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) yang mengikuti Program Pendidikan Jarak Jauh di negara Malaysia. Mereka menggunakan model gaya pembelajaran pelajar Grasha Riechmann. Dapatan kajian mendapati bahawa gaya pembelajaran Kolaboratif mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar di mana semakin tinggi pencapaian akademik pelajar semakin tinggi sifat gaya pembelajaran Kolaboratif yang diamalkan.

Walaupun kesemua dapatan di atas menunjukkan terdapat hubungan positif di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik, namun terdapat juga beberapa dapatan kajian dari luar dan dalam Malaysia yang menyatakan bahawa gaya pembelajaran individu tidak mempengaruhi pencapaian akademik. Ini boleh dilihat berdasarkan kajian luar yang dijalankan oleh Yildirim, Acarb, Bulk dan Sevinc (2008) yang telah membuat kajian ke atas 746 pelajar di Sekolah Tinggi Istanbul, Turki dengan menggunakan instrumen PLSPQ. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa tidak wujud perkaitan di antara gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik mereka.

Daripada segi bidang pengkhususan, terdapat banyak pengkhususan pengajian yang ditawarkan untuk pelajar tidak kira di pengajian tinggi awam mahupun swasta. Setiap pengkhususan pengajian yang ditawarkan mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri. Bagaimanapun sekiranya pelajar dapat menggunakan gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan pengkhususan yang mereka ikuti sudah pasti mereka akan memperoleh keputusan akademik yang cemerlang. Persoalannya adakah setiap pelajar dari setiap pengkhususan pengajian yang berbeza menggunakan gaya pembelajaran yang sama? Walaupun responden dalam kajian ini adalah dari bidang yang sama tetapi pengkhususan yang diikuti adalah berbeza.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan di luar dan dalam negara oleh pengkaji-pengkaji lepas, didapati bahawa tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan pengkhususan pengajian (Soon, 2004; Azizi Yahaya et al., 2006; Zubaidah Begam, 2007; Aziz Nordin dan Nur Hifzan Husin, 2011). Kaji selidik yang dijalankan di luar negara oleh Platsidou & Metallidou (2009) terhadap 340 responden dari empat pengkhususan pengajian yang berbeza iaitu Pendidikan, Psikologi, Politeknik dan Guru Pelatih Sekolah Rendah mendapati bahawa pelajar jurusan Politeknik lebih gemar mengamalkan gaya pembelajaran Active dan pelajar Pendidikan pula lebih cenderung ke arah gaya pembelajaran Visual. Walaupun kebanyakan pengkhususan pengajian mengamalkan gaya pembelajaran yang berbeza, namun secara keseluruhannya tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran berdasarkan pengkhususan pengajian.

Secara keseluruhannya, didapati bahawa gaya pembelajaran yang digunakan oleh setiap pelajar boleh membantu dalam pencapaian akademik yang cemerlang. Namun begitu, gaya pembelajaran yang digunakan juga mungkin tidak mempengaruhi keputusan pelajar dalam peperiksaan. Walaupun gaya pembelajaran tidak mempengaruhi pencapaian akademik tetapi sebenarnya gaya pembelajaran adalah salah satu faktor yang menyebabkan seseorang pelajar itu berjaya dalam peperiksaan. Pelajar yang tidak tahu cara untuk mengambil nota, mengagihkan masa, cara belajar yang berkesan dan sebagainya akan menghadapi masalah pembelajaran dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian akademik yang kurang memuaskan. mengamalkan gaya pembelajaran yang betul dan berkesan penting dalam pencapaian prestasi yang cemerlang.

METODOLOGI

REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pilihan pendekatan penyelidikan kuantitatif secara tinjauan.

POPULASI DAN PENSAMPELAN

Kajian yang dilaksanakan melibatkan pelajar-pelajar Pendidikan Seni Visual PPISMP di IPGKDRI. Pemilihan sampel bagi kajian ini adalah secara rawak mudah. Seramai 50 orang pelajar telah menjawab soalan yang disediakan secara dalam talian dan jumlah populasi seramai 258 orang.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam mengumpul data. Instrumen kajian telah diubahsuai berdasarkan kajian lepas dan dilakukan ujian kesahan dengan nilai Cronbach's Alpha 0.95. Soal selidik ini terdiri dari dua bahagian iaitu Bahagian A yang mengandungi Maklumat Demografi peserta yang dikaji. Manakala Bahagian B terdiri daripada empat bahagian yang mengandungi elemen yang dikaji seperti Jadual 1.

Jadual 1: *Kandungan Soal Selidik*

Dimensi yang diukur	Nombor Item	Bilangan Item
Bahagian A: Maklumat Demografi	1 - 7	7
Bahagian B1: A) Tahap Gaya Pembelajaran Permukaan	A1 – A12	12
Bahagian B2: B) Tahap Gaya Pembelajaran Mendalam	B1 – B12	12
Bahagian B3: C) Tahap Gaya Pembelajaran Terancang	C1 – C12	12
Bahagian B4: D) Tahap Gaya Pembelajaran Gigih Usaha	D1 – D9	9

PROSEDUR PENGUMPULAN DAN ANALISIS DATA

Data bagi kajian ini diperolehi daripada maklum balas pelajar terhadap soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji secara dalam talian. Apabila data telah dikumpul secara google form dianalisis menggunakan pengaturcaraan SPSS Versi 23. Kajian ini melibatkan analisis statistik deskriptif bertujuan mendapatkan taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi item-item yang dikaji. Item ujian dibina dalam bentuk pernyataan 10 pilihan jawapan menggunakan skala Likert 10 mata. Soal selidik dihantar kepada pelajar secara dalam talian untuk mendapat maklumat tentang tahap Gaya Pembelajaran Selmes dalam kalangan pelajar.

Oleh kerana kesemua bahagian instrumen kajian menggunakan skala 1 hingga 10, nilai skor min yang didapati berada antara nilai 1 hingga 10 iaitu dalam selang 9 unit. Selang ini dibahagikan secara sama rata kepada tiga tahap yang terdiri daripada tahap rendah, sederhana dan tinggi. Interpretasi tahap min yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian tahap bagi gaya pembelajaran yang dimiliki oleh pelajar PSV PPISMP IPGKDRI adalah seperti Jadual 2. Interpretasi tahap min ini telah digunakan oleh Li, Q (2013) dalam kajian mereka terdahulu.

Jadual 2 : Interpretasi Tahap Min

Skor Min	Interpretasi Tahap Min
1.00 – 3.33	Rendah
3.34 – 6.67	Sederhana
6.68 – 10.00	Tinggi

Sumber: Li, Q. (2013)

DAPATAN KAJIAN

MAKLUMAT DEMOGRAFI

Responden kajian terdiri daripada pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di IPG Kampus Dato' Razali Ismail (IPGKDRI) Kuala Nerus Terengganu dalam bidang Pendidikan Seni Visual. Seramai 50 orang pelajar telah menjawab soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Berdasarkan Jadual 3 didapati 64.0 peratus responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan, manakala 36.0 peratus adalah pelajar lelaki. Didapati keseluruhan responden adalah terdiri dari bangsa Melayu iaitu 100.0 peratus.

Demografi Pelajar	Bil	Peratus
Jantina:		
Lelaki	18	36.0
Perempuan	32	64.0
Bangsa:		
Melayu	50	100.0
Pendidikan Ahli Keluarga:		
SPM Dan Ke Bawah	11	22.0
STPM Atau Setaraf	5	10.0
Diploma Atau Sijil	8	16.0
Ijazah	21	42.0
Master	5	10.0

Pekerjaan Ahli Keluarga:

Bidang Profesional	2	4.0
Perkhidmatan Kerajaan	14	28.0
Guru	8	16.0
Bekerja Sendiri/ Berniaga	17	34.0
Lain-Lain	9	18.0

Jadual 3: Demografi Responden

Maklumat demografi responden juga dilihat daripada aspek latar belakang keluarga iaitu pendidikan dan pekerjaan ahli keluarga. Kajian ini mendapati kebanyakan ahli keluarga iaitu ibu bapa pelajar yang dikaji mempunyai ijazah iaitu 42 peratus. Selain dari itu, kajian ini juga menunjukkan ibu bapa pelajar yang mempunyai pendidikan SPM dan ke bawah adalah 22 peratus, diploma atau sijil 16 peratus, STPM dan setaraf 10 peratus. Di samping itu terdapat juga ibu bapa responden yang mempunyai master iaitu 10 peratus. Aspek latar belakang pekerjaan ahli keluarga responden, data kajian ini menunjukkan ibu bapa pelajar yang bekerja sendiri adalah 34 peratus. Seterusnya diikuti dengan pekerjaan di bidang perkhidmatan kerajaan (28 peratus), guru (16 peratus), bidang profesional (4 peratus) dan lain-lain (18 peratus).

TAHAP GAYA PEMBELAJARAN PERMUKAAN

Kajian tentang tahap Gaya Pembelajaran Selmes (Permukaan) melibatkan 12 item. Berdasarkan data kajian yang dijalankan menunjukkan tahap terhadap Gaya Pembelajaran Selmes (Gaya Permukaan) dalam kalangan pelajar PSV PPISMP di IPGKDRI adalah tinggi dengan nilai min 7.96 dan sisihan piawai 1.72 (Jadual 4).

Jadual 4: Tahap Gaya Pembelajaran Permukaan

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
A1_ Memerlukan penerangan terperinci tentang kerja-kerja yang perlu dibuat.	8.92	1.63	Tinggi
A2_ Memerlukan penerangan terperinci semasa mengambil nota.	8.42	1.74	Tinggi
A3_ Dapat mengingat kembali apa yang ditulis dalam nota.	6.94	1.54	Tinggi
A4_ Memerlukan penerangan terperinci tentang apa yang perlu dilakukan dalam pembacaan.	8.00	2.11	Tinggi

A5_Memerlukan penerangan terperinci apa yang perlu dibuat semasa mengulang kaji.	8.40	1.85	Tinggi
A6_Menumpukan perhatian kepada setiap fakta apabila membaca.	8.08	1.82	Tinggi
A7_Membuat nota hanya tentang isi penting yang perlu dipelajari.	8.86	1.32	Tinggi
A8_Menumpukan perhatian kepada fakta apabila mengulang kaji.	8.24	1.41	Tinggi
A9_Menghafal semua fakta semasa mengulang kaji.	7.34	1.57	Tinggi
A10_Menghafal semua nota apabila membaca.	6.38	1.99	Sederhana
A11_Menulis nota yang kebanyakannya mengandungi maklumat berfakta sahaja.	8.02	1.72	Tinggi
A12_Menyusun kebanyakan nota dengan sistematik	7.86	1.99	Tinggi
KESELURUHAN	7.96	1.72	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4 didapati 11 daripada 12 item Gaya Pembelajaran Selmes (Gaya Permukaan) berada di tahap tinggi dengan nilai min keseluruhannya adalah 7.96 dan sisihan piawai 1.72. Item yang mempunyai min tertinggi adalah 'memerlukan penerangan yang terperinci tentang kerja-kerja yang perlu dibuat' dengan nilai min 8.92 (sisihan piawai 1.63). Ini diikuti dengan item 'membuat nota hanya tentang isi penting yang perlu dipelajari' dengan min 8.86 dan sisihan piawai 1.32. Kebanyakan item mempunyai nilai min melebihi 8.00. Walau bagaimanapun terdapat dua item mempunyai nilai min melebihi tujuh iaitu item 'menghafal semua item semasa ulangkaji (min 7.34; sisihan piawai 1.57) dan item 'menyusun kebanyakan nota secara sistematik' dengan nilai min 7.86 dan sisihan piawai 1.99. Malahan terdapat satu item yang berada di tahap sederhana iaitu 'menghafal semua nota apabila membaca' dengan min 6.38 dan sisihan piawai 1.99.

Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa pelajar hanya melaksanakan pelajaran selepas diarahkan oleh orang lain. Mereka bergantung sepenuhnya kepada apa yang dikendalikan oleh pensyarah dan hanya mempelajari sesuatu itu secara umum. Fakta yang dipelajari akan dihafal dan tiada keupayaan untuk mengaitkan antara satu-satu fakta atau konsep dengan fakta-fakta yang lain. Walau bagaimanapun mereka hanya menghafal fakta, tetapi kurang menghafal semua nota.

TAHAP GAYA PEMBELAJARAN MENDALAM

Terdapat 12 item bagi Gaya Pembelajaran Mendalam. Berdasarkan Jadual 5, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap Gaya Pembelajaran

Mendalam dalam kalangan pelajar PSV PPISMP IPGKDRI adalah tinggi dengan min 7.99 dan sisihan piawai 1.53.

Jadual 5 : Tahap Gaya Pembelajaran Mendalam

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
B1_Berbincang dengan pelajar lain sesuatu topik apabila mengulang kaji	8.70	1.47	Tinggi
B2_Meringkaskan bahan penting apabila membuat nota.	8.78	1.31	Tinggi
B3_Mengenal pasti maksud yang tersirat semasa membaca	7.80	1.44	Tinggi
B4_Merumuskan kaedah-kaedah yang digunakan semasa menyelesaikan masalah	7.60	1.44	Tinggi
B5_Meringkaskan isi pelajaran semasa mengulang kaji	8.46	1.44	Tinggi
B6_Menghubungkan pelbagai aspek semasa mengulang kaji	7.92	1.47	Tinggi
B7_Mengambil kira bagaimana pelbagai aspek berhubung semasa menjawab soalan.	7.74	1.60	Tinggi
B8_Mentafsirkan pertalian antara pelbagai aspek yang ditemui semasa membaca.	7.52	1.54	Tinggi
B9_Bertanya kepada diri sendiri beberapa soalan daripada pembacaan.	7.94	1.50	Tinggi
B10_Mencantumkan nota pelajaran daripada pelbagai sumber.	8.32	1.68	Tinggi
B11_Memberi pendapat sendiri apabila berpeluang.	8.02	1.68	Tinggi
B12_Memasukkan pandangan sendiri semasa mengambil nota.	7.14	1.78	Tinggi
KESELURUHAN	7.99	1.53	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5 didapati kesemua item Gaya Pembelajaran Mendalam berada di tahap tinggi dengan nilai min yang hampir setara iaitu antara min 7.14 hingga 8.78. Item yang mempunyai min tertinggi adalah 'meringkaskan bahan penting apabila membuat nota' (min 8.78 dan sisihan piawai 1.31). Ini diikuti dengan item 'berbincang dengan pelajar lain sesuatu topik apabila mengulang kaji' yang mempunyai min 8.70 dan sisihan piawai 1.47. Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah adalah 'memasukkan pandangan sendiri semasa mengambil nota' dengan nilai min 7.14 dan sisihan piawai 1.78.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pelajar yang dikaji memiliki minat yang tinggi terhadap kandungan pelajaran serta berupaya mengaitkan maklumat baharu dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada. Pelajar yang menggunakan gaya pembelajaran ini juga akan terus cuba memahami secara mendalam serta berusaha mengaitkan sesuatu konsep yang dipelajari itu.

TAHAP GAYA PEMBELAJARAN TERANCANG

Kajian tentang tahap Gaya Pembelajaran Selmes (Terancang) melibatkan 11 item. Berdasarkan data kajian yang dijalankan menunjukkan tahap terhadap Gaya Pembelajaran Selmes (Terancang) dalam kalangan pelajar PSV PPISMP di IPGKDRI adalah tinggi dengan nilai min 7.75 dan sisihan piawai 1.79 (Jadual 6).

Jadual 6 : *Tahap Gaya Pembelajaran Terancang*

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
C1_Merangka jawapan terlebih dahulu sebelum menjawab soalan ujian.	7.72	2.03	Tinggi
C2_Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk membuat nota sendiri.	7.82	1.47	Tinggi
C3_Membaca semua pelajaran sepantas mungkin.	7.04	2.30	Tinggi
C4_Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk membuat nota yang diperlukan.	7.88	1.59	Tinggi
C5_Mencuba membuat nota secepat yang mungkin.	7.42	2.04	Tinggi
C6_Mencuba membuat ulang kaji secepat mungkin.	7.46	2.16	Tinggi
C7_Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk membuat rujukan tambahan dengan sempurna	7.70	1.78	Tinggi
C8_Memperuntukkan masa yang mencukupi untuk mengulang kaji pelajaran	8.20	1.54	Tinggi
C9_Memperuntukkan masa untuk mengulang kaji pelajaran dengan gaya yang tersendiri.	8.54	1.63	Tinggi
C10_Merancang supaya ulang kaji pelajaran dapat dilaksanakan dengan teliti	8.20	1.56	Tinggi
C11_Merancang kerja-kerja pelajaran dengan cukup sempurna.	7.28	1.60	Tinggi
KESELURUHAN	7.75	1.79	Tinggi

Data kajian yang ditunjukkan oleh Jadual 6 memaparkan bahawa kesemua item bagi Gaya Pembelajaran Terancang adalah tinggi dengan nilai min yang hampir setara. Item yang mempunyai nilai min paling tinggi adalah 'memperuntukkan masa untuk mengulang kaji pelajaran dengan gaya tersendiri' dengan nilai min 8.54 dan sisihan piawai 1.63. Seterusnya diikuti oleh item 'memperuntukkan masa yang mencukupi untuk mengulang kaji pelajaran' (min 8.20 dan sisihan piawai 1.54) dan item 'merancang supaya ulang kaji pelajaran dapat dilaksanakan dengan teliti' (min 8.20 dan sisihan piawai 1.56). Manakala item yang mempunyai nilai min paling rendah adalah 'membaca semua pelajaran sepantas mungkin' yang mempunyai min 7.04 dan sisihan piawai 2.30. Di samping itu, item 'merancang kerja-kerja pelajaran dengan cukup sempurna' juga agak rendah (min 7.28 dan sisihan piawai 1.60).

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa pelajar yang dikaji berupaya merancang dan menyusun masa belajar dengan efektif, menyalin isi kandungan pelajaran secara sistematik dan terarah serta merangka jawapan sebelum menjawab soalan dengan baik dan teratur.

TAHAP GAYA PEMBELAJARAN GIGIH USAHA

Terdapat sembilan item bagi Gaya Pembelajaran Gigih Usaha. Berdasarkan Jadual 7, dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya tahap Gaya Pembelajaran Gigih Usaha dalam kalangan pelajar PSV PPISMP IPGKDRI adalah tinggi dengan min 7.27 dan sisihan piawai 1.80.

Jadual 7 : Tahap Gaya Pembelajaran Gigih Usaha

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Tahap
D1_Mencari punca kelemahan apabila prestasi menurun untuk memperbaikinya.	8.78	1.11	Tinggi
D2_Menggunakan beberapa buah buku untuk membuat tugas.	7.74	1.78	Tinggi
D3_Menyiapkan sesuatu tugas secepat yang mungkin.	7.64	1.91	Tinggi
D4_Membuat nota sendiri apabila ada kesempatan.	7.84	1.87	Tinggi
D5_Berusaha selesaikan masalah dalam pembelajaran walaupun ia sukar.	8.10	1.64	Tinggi
D6_Membaca apa yang perlu tanpa menunggu arahan guru.	6.82	1.89	Tinggi
D7_Mengulang kaji semua topik tanpa menunggu arahan guru.	6.40	1.96	Sederhana

D8_Menyelesaikan tugas lebih awal daripada masa yang ditetapkan.	6.26	2.13	Sederhana
D9_Membuat latihan yang banyak secara sendiri.	5.82	1.92	Sederhana
KESELURUHAN	7.27	1.80	Tinggi

Berdasarkan Jadual 7 menunjukkan terdapat enam item berada di tahap tinggi manakala tiga item mempunyai tahap sederhana. Item yang mempunyai min tertinggi adalah 'mencari punca kelemahan apabila prestasi menurun untuk memperbaikinya' dengan nilai min 8.78 dan sisihan piawai 1.11. Seterusnya diikuti oleh item 'berusaha selesaikan masalah dalam pembelajaran walaupun ia sukar' yang mempunyai min 8.10 dan sisihan piawai 1.64. Manakala item yang berada di tahap sederhana adalah 'membuat latihan yang banyak secara sendiri' dengan nilai min terendah iaitu 5.82 dan sisihan piawai 1.92. Item 'menyelesaikan tugas dengan lebih awal daripada masa yang ditetapkan (min 6.26 dan sisihan piawai 2.13) dan item 'mengulang kaji semua topik tanpa menunggu arahan guru (min 6.40 dan sisihan piawai 1.96) juga berada pada tahap sederhana.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa sikap pelajar yang dikaji sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam pembelajaran tanpa menunggu sebarang arahan daripada pihak lain bagi mencapai kejayaan yang cemerlang. Mereka akan berusaha dengan sendirinya dengan mencari pelbagai alternatif lain untuk meningkatkan kefahaman dan pemahaman dalam pembelajaran seperti membuat nota sendiri, mengulang kaji pelajaran dan cuba menyelesaikan masalah, isu ataupun persoalan yang rumit.

PERBINCANGAN

Pengetahuan terhadap gaya pembelajaran amatlah penting dan guru perlu memahami gaya pembelajaran setiap pelajar. Situasi sebegini dapat membantu guru untuk memahami perkembangan dan penguasaan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan. Selain itu, juga dapat membantu guru menjadi lebih sensitif terhadap perbezaan setiap murid di sekolah. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran PSV, gaya pembelajaran adalah penting dalam proses membantu guru mencipta pengalaman dan menjadi satu panduan untuk mencipta pengajaran yang sesuai bagi pelajar. Apabila guru memahami gaya pembelajaran pelajar dalam kelas, aktiviti yang dirancang juga sepadan dengan gaya pembelajaran pelajar. Dengan ini juga dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan (Razak & Noh 2016; Ovez & Uyangor 2016)).

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri atau mungkin mempunyai lebih daripada satu gaya pembelajaran. Oleh itu, selepas

mengenal pasti gaya pembelajaran masing-masing, guru perlulah membahagikan pelajar dalam kumpulan yang homogen bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran berfungsi secara efektif. Selain itu, pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang berlainan akan mendapat pencapaian akademik yang lebih tinggi jika berbanding dengan pelajar yang hanya mempunyai satu atau dua gaya pembelajaran. Hal ini kerana, pelajar yang lebih gaya pembelajaran lebih fleksibel serta boleh ubah dan tidak terikat dengan gaya pembelajaran yang tertentu sahaja.

Tiada ada satu gaya pembelajaran yang dikatakan paling baik atau buruk. Oleh itu, gaya pembelajaran yang dipilih adalah bergantung dengan individu tersebut. Seseorang pelajar A yang telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam pengajaran dan pembelajaran, membawa makna pelajar ini telah menggunakan gaya pembelajaran yang berkesan bagi dirinya. Sama juga dengan pelajar B yang tidak dapat mencapai matlamatnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Situasi sebegini berlaku mungkin disebabkan oleh pelajar ini masih mencari-cari jenis gaya pembelajaran yang paling sesuai untuk dirinya. Gaya pembelajaran harus diberikan perhatian kepada pelajar yang merupakan individu yang berbeza oleh seorang pendidik supaya pelajar dapat belajar dengan lebih berkesan.

Di samping gaya pembelajaran, penguasaan kemahiran pelajar juga penting untuk mencapai keputusan cemerlang. Menurut Selmes (1987), kemahiran belajar adalah kemahiran yang membolehkan seseorang pelajar mencari, menilai, memilih, menyusun, menyimpan dan menyampaikan ilmu pengetahuan. Sebenarnya, kemahiran belajar boleh ditakrifkan sebagai keupayaan atau kecekapan yang dikuasai oleh seseorang pelajar untuk mengumpul, memproses dan menyimpan maklumat serta menuju ke arah pembelajaran seumur hidup. Peranan gaya pembelajaran adalah penting sebagai satu kesan akibat daripada cara pengajaran guru di dalam proses pembelajaran. Umumnya, proses pengajaran perlulah seimbang dengan gaya semua pelajar kerana hampir keseluruhan individu pelajar itu mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Dari aspek kurikulum guru perlu meletakkan dan menekankan intuisi, perasaan, berimajinasi untuk mendorong pelajar menganalisis, memberikan alasan dan menyelesaikan masalah secara tersusun. Di samping itu guru juga sepatutnya dapat memberikan satu bentuk bimbingan untuk menghubungkan bentuk gaya pembelajaran dengan mengambil unsur pengalaman, refleksi, *conceptualization* dan eksperimen. Guru juga boleh mendedahkan pelajar dengan pelbagai unsur pengalaman di dalam bilik darjah seperti unsur bunyi, muzik, visual, pergerakan, perbualan dan percakapan. Dari aspek penilaian pula guru sepatutnya melaksanakan pelbagai bentuk teknik penilaian yang memberikan fokus pada perkembangan terhadap kapasiti otak secara keseluruhan yang ada kaitan dengan gaya pembelajaran (Nasiri, Ghorekhani & Ghasempour 2016).

Berdasarkan perbincangan dapat dirumuskan bahawa gaya pembelajaran di dalam proses pembelajaran adalah penting. Jika sekiranya seseorang pelajar tidak boleh belajar dengan berkesan, maka seseorang guru perlulah prihatin dan berusaha untuk memajukan diri pelajar dalam memenuhi kehendak pembelajaran mereka. Seperti mana bertepatan dengan kata-kata “if the children cannot learn the way we teach them, then we must teach them the way they learn” (Hanafy 2014).

RUMUSAN

Model gaya pembelajaran Selmes (1987) memperkenalkan perspektif yang agak berbeza mengenai gaya pembelajaran dengan memberi fokus yang lebih kepada perbezaan gaya pembelajaran yang dimiliki setiap individu. Gaya pembelajaran yang dicadangkan Selmes adalah berdasarkan kepada konsep pembelajaran berdikari, unsur persaingan di antara pelajar, penghasilan kerja berkualiti, usaha yang gigih dan pembelajaran yang terancang. Selain itu, Gaya pembelajaran yang beliau cadangkan berasaskan kepada konsep pembelajaran berdikari, unsur persaingan antara murid, penghasilan kerja berkualiti, usaha yang gigih dan pembelajaran yang terancang.

Dapatan kajian menunjukkan tahap amalan pembelajaran pelajar yang dikaji bagi Gaya Pembelajaran Selmes secara mendalam adalah paling tinggi dengan nilai min 7.99. Seterusnya diikuti oleh gaya pembelajaran permukaan (7.96), gaya pembelajaran terancang (7.78) dan gaya pembelajaran gigih usaha (7.27). Rumusan bagi kajian ini adalah menunjukkan pelajar PSV PPISMP IPGKDR1 mempunyai tahap amalan gaya pembelajaran Selmes yang tinggi walaupun dalam tempoh perintah kawalan pergerakan. Diharapkan kajian ini boleh membantu pelajar memperkasakan lagi kecemerlangan pencapaian mereka dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dan pencapaian akademik yang lebih baik.

RUJUKAN

- Abdul Rahim Selamat. (1989). *Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Nunn Enterprise.
- Adnan, M., Abdullah, M. F. N. L., Ahmad, C. N. C., Puteh, M., Zawawi, Y. Z., & Maat, S. M. (2013). Learning style and mathematics achievement among high performance school students. *World Applied Sciences Journal*, 28(3), 392-399.
- Ahmad, S., Safee, S., & Afthanorhan, W. M. A. W. (2014). Learning styles towards mathematics achievements among higher education students. *Global Journal of Mathematical Analysis*, 2(2), 50-57.

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli & Ahmad Johari Sihes. (2006). *Orientasi pembelajaran di kalangan pelajar pengajian tinggi awam di Malaysia dan implikasi terhadap pencapaian akademik*. Prosiding dari International Conference on Learning and Motivation, City Bayview Hotel, Langkawi, Kedah, 10-12 September 2005.
- Azrai, E. P., Ernawati, E., & Sulistianingrum, G. (2017). Pengaruh Gaya Belajar David Kolb (Diverger, Assimilator, Converger, Accommodator) Terhadap Hasil Belajar Siswa Pada Materi Pencemaran Lingkungan. *Biosfer: Jurnal Pendidikan Biologi*, 10(1), 9-16.
- Baharin Abu, Othman Md Johan, Syed Mohd Shafeq Syed Mansor dan Haliza Jaafar.(2007). *Kepelbagaian gaya pembelajaran dan kemahiran belajar pelajar universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai Johor*. Tidak diterbitkan. Projek penyelidikan Pembiayaan RMC UTM (Vot Penyelidikan 71881)
- Bailey, P., Onwuegbuzie, A. J. & Daley, C. E. (2000). *Using learning style to predict foreign language achievement at the college level*. *System*, 28, 115-133.
- Battalio, J. (2009). Success in distance education: do learning styles and multiple formats matter? *The American Journal of Distance Education*, 23, 71-87.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1980). What is your child's learning style? *The Newsletter of Parenting*, 3(1): 4-58.
- Felder, R. M. & Silverman, L.K. (1988). Learning and Teaching Styles In Engineering Education. *Journal of Engineering Education*. Jilid 78(7). 674-681.
- Hanafy, M. S. (2014). Konsep Belajar dan Pembelajaran. *Lentera Pendidikan: Jurnal Ilmu Tarbiyah dan Keguruan*, 17(1), 66-79.
- Li, Q. 2013. *A novel Likert scale based on fuzzy sets theory*. *Expert Systems with Applications*, 40(5):1609-1618.
- Mohan Rathakrishnan (2020) bhrencana@bh.com.my
- Nasiri, Z., Gharekhani, S., & Ghasempour, M. (2016). Relationship between Learning Style and Academic Status of Babol Dental Students. *Electronic Physician*, 8(5), 2340–2345.

- Ovez, F. T. D., & Uyangor, S. M. (2016). The Effect of the Match between the Learning and Teaching Styles of Secondary School Mathematics Teachers on Students' Achievement. *Journal of Education and Practice*, 7(29), 125-132.
- Razak, K. A., & Noh, M. A. C. (2016). *Gaya pembelajaran Pendidikan Islam. International Conference on Islami Education 2016*, IPG Kampus Tun Abdul Razak, Sarawak, Malaysia, 818 – 823
- Richardson. A.G. & Fergus. E. (1993). Learning style and ability grouping in the high school system: Some Carribean findings. *Educational Research* 35 (1): 69 -74.
- Rohana Hamzah, Widad Othman & Tieu, W. C. S. (2003). *Pola gaya pembelajaran pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di pusat pembelajaran Space Di Universiti Teknologi Malaysia*. Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, 19-21
- Soon, M. C. (2004). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik: tinjauan di kalangan pelajar-pelajar Fizik Pendidikan dan Fizik Industri Universiti Teknologi Malaysia*, Skudai, Johor. Tesis Sarjana. UTM, Johor.
- Willingham, D. T., Hughes, E. M., & Dobolyi, D. G. (2015). The scientific status of learning styles theories. *Teaching of Psychology*, 42(3), 266-27.
- Wu, S., & Sulaiman Alrabah. (2009). A cross-cultural study of Taiwanese and Kuwaiti EFL students' learning styles and multiple intelligences. *Innovation in Education and Teaching International*, 46(4), 393-403.
- Yildirim, O., Acar, A. C., Bull, S. & Sevinc, L. (2008). *Relationships between teachers' perceived leadership style, students' learning style, and academic achievement: a study on high school students*. *Educational Psychology*, 28, 73–81.
- Zubaidah Begam Mohamed Zakaria. (2007). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik: Tinjauan di kalangan pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan tahun pertama*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.